

Kedudukan Syair dalam Islam

Sofyuddin Yusof
Mohd Faiz Hakimi Mat Idris
Nik Murshidah Nik Din

ABSTRACT

Since the state of ignorance, poetry had been playing its role as a strong weapon to Arab tribes. The same applies to the age of Islam where the poets were drafting prose texts as an arm to attack against their enemies. Poetry has been changing from time to time since that state of ignorance. Nevertheless, tremendous changes happened during the age of Islam compared to previous times. Many art researchers and orientlists believed that art during the period of Islam had been facing regression due to several causes. Among them was the rejection of al Quran against poets and writers who were compromising with elements of ignorance in their prose texts. Another was that people of this period were concentrating their attention on Da'wah activities and opening up Islamic territories till they were short of time to participate in (their feeling of it). Thus, this article is written to explain and clarify stands of Islam on prose texts involved in study on selected Qur'anic verses. This is to clarify the views of Prophet Muhammad p.b.u.h. where al-Ahadith will be revised as well as views of his companions.

Keyword: Syair; Poetry; Islamic literature

Pengenalan

Syair merupakan salah satu cabang sastera Arab yang amat menonjol dikalangan masyarakat Arab. Ianya begitu dihayati serta dihargai oleh masyarakat Arab sejak zaman jahiliah lagi. Penyair begitu dihargai, disanjung dan mendapat kedudukan istimewa di kalangan masyarakat Arab. Syair adalah rangkaian kata-kata yang mengandungi wazan¹ dan qafiah² yang menggambarkan sesuatu idea

¹ Iaitu timbangan bunyi yang digunakan dalam syair Arab untuk melahirkan rima, iaitu skima bunyi pada baris-baris syair.

² Iaitu huruf akhir di hujung setiap rangkap syair. Dalam syair Arab biasanya apabila rangkap pertama syair berakhir dengan sesuatu abjad, maka akhiran rangkap-rangkap seterusnya menggunakan abjad yang sama.

(Muhammad Mandur t.th., 297). Kedatangan Islam telah memberi kesan yang besar terhadap syair dan penyair. Pengaruh Islam telah meresap mempengaruhi corak penciptaan syair apabila banyak syair telah terpengaruh dengan gaya atau cara yang telah dipaparkan oleh al-Quran al-Karim.

Syair Arab-Islam amat berbeza daripada syair yang dicipta pada zaman jahiliah dalam pelbagai aspek. Banyak unsur seni yang terdapat dalam syair yang dicipta pada zaman jahiliah ditolak dan tidak diterima oleh Islam. Ini semua untuk menjaga dan memelihara kesucian Islam sebagai agama yang suci dan bersih dari segala perkara dan unsur yang negatif yang amat digemari dan menjadi kebiasaan di zaman jahiliah. Kedatangan Islam telah membawa perubahan yang nyata terhadap sastera khususnya terhadap syair. Sinar Islam dan gaya bahasa yang dipaparkan oleh al-Quran al-Karim telah mempengaruhi suasana kesusasteraan di zaman awal Islam yang membawa perubahan dalam arena kesusasteraan. Rasulullah s.a.w. sendiri menerima sastera sebagai satu seni dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan Islam dan mempunyai nilai yang positif. Justeru, tidak hairanlah Rasulullah s.a.w. mempunyai beberapa tokoh agung sasterawan dan penyair yang memainkan peranan penting untuk mempertahankan kesucian Islam serta membangkitkan semangat jihad para pejuang Islam. Antara mereka ialah Hassan bin Thabit, Ka'b bin Zuhayr, 'Abdullah bin Rawahah dan ramai lagi.

Definisi Syair

Menurut al-Qadi al-Jurjaniy, syair adalah salah satu ilmu pengetahuan bangsa Arab. Di dalamnya terkandung unsur-unsur ciptaan dan kepintaran yang menjadi teras kepada bangsa Arab (Ahmad al-Syab 1964, 296). Qudamah bin Ja'far pula mendefinisikan syair sebagai satu rangkaian kata-kata yang mengandungi wazan dan qafiah yang menggambarkan sesuatu idea (Muhammad Mandur t.th., 297). Sementara Stodman, seorang pengkaji sastera dari barat menyatakan syair ialah bahasa imaginasi yang mempunyai irama yang dilahirkan dari makna dan idea (Ahmad al-Syab 1964, 297).

Lebih awal lagi Aristotle, seorang ahli falsafah Yunani mendefinisikan syair sebagai bentuk perkataan yang menarik dan terkandung di dalamnya unsur-unsur imaginasi (Osman Khalid 1999, 44). Syair menjadi kebanggaan orang Arab sejak zaman jahiliah. Orang yang mendendangkan syair amat dihormati oleh masyarakat jahiliah. Syair adalah ungkapan yang mempunyai wazan dan qafiah (Ibn Manzur 1996, 132) dan merupakan kesenian yang paling tinggi kedudukannya dalam kesusasteraan Arab, malah syair dianggap sebagai neraca bagi kesusasteraan Arab (al-Jundi t.th., 151). Syair dianggap senjata yang paling kuat dan berkesan bagi orang Arab (Zaki 'Abidin Gharib 1983, jil.1: 260).

Sementara syair Islam pula ialah sejenis syair yang dicipta pada zaman Islam dan banyak terpengaruh dengan keindahan gaya bahasa al-Quran. Syair Islam tidak menerima sebarang bentuk atau unsur jahiliah yang bertentangan dengan Islam seperti syair cinta, syair puji-pujian yang melampau, menyeru kepada kekufuran dan sebagainya yang bertentangan. Islam hanya menerima syair yang selari dengan kehendak Islam (al-Jundiyy t.th., 152).

Perkembangan Syair Zaman Awal Islam

Zaman awal Islam adalah zaman kedua dalam pembahagian zaman-zaman mengikut ketetapan yang dibuat oleh para pengkaji sejarah kesusasteraan Arab. Zaman itu bermula daripada kebangkitan Rasulullah s.a.w. sebagai Rasul dan pengembangan dakwah di Mekah pada tahun 610 M. Selepas itu Islam mula berkembang dan tersebar luas hingga terbentuknya kerajaan Islam yang pertama di Madinah. Zaman ini telah berakhir dengan tamatnya pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin yang menandakan bermulanya kerajaan Bani Umayyah. Tempoh masanya menjangkau 53 tahun (Syawqi Dayf 1995, 14).

Zaman ini juga merupakan zaman yang paling penting dalam sejarah peradaban ketamadunan dan kesusasteraan Arab kerana pada zaman ini segala aspek dalam kesusasteraan Arab telah mengalami perubahan yang banyak dan ketara berbanding zaman jahiliah. Kesemua perubahan yang berlaku itu dipengaruhi dan disebabkan oleh kedatangan agama Islam dan al-Quran al-Karim (al-Khafajiy 1973, 330). Situasi syair sentiasa berubah dari satu zaman ke suatu zaman. Ini ekoran daripada beberapa faktor dan keadaan semasa sesuatu zaman tersebut. Begitu juga situasi syair pada zaman awal Islam. Pelbagai pendapat diutarakan oleh ramai cendekiawan, ahli sejarah dan ahli akademik berkenaan situasi syair di zaman tersebut.

Sebahagian pengkaji sejarah terdahulu dan moden berpendapat bahawa perkembangan syair telah mengalami kemerosotan dan tidak berkembang semasa zaman awal Islam berbanding dengan zaman sebelum Islam atau zaman jahiliah. Antara faktor utama yang menjadi sandaran mereka di atas kemerosotan syair ini ialah pendapat bahawa kedatangan Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. telah menyebabkan syair mengalami kemerosotan dan menjadi lemah. Syair dikatakan tidak diterima oleh Islam dan masyarakat Islam ketika itu kerana orang-orang Arab pada zaman awal Islam telah memberikan sepenuhnya komitmen mereka kepada perjuangan dalam menyebarkan agama Allah s.w.t.. Mereka sentiasa berjihad menentang musuh-musuh Islam dalam menegakkan agama Islam dan berdakwah untuk menyebarkan lagi agama Islam (Husayn 'Atwan 1987, 9). Justeru kesibukan umat Islam pada masa itu dengan agama Islam dikatakan menjadi sebab dan faktor utama mengapa syair mengalami kemerosotan dan seterusnya dipinggirkan oleh masyarakat Islam.

Mereka juga mendakwa dengan sebab yang demikian, syair telah mengalami zaman kegelapan yang berpanjangan pada zaman awal Islam.

Antara tokoh yang memberi pandangan sedemikian ialah Ibn Sallam (t.th.). Beliau ada menyatakan:

Kedatangan Islam telah menyebabkan umat Islam melupakan syair. Mereka terlalu sibuk dan memberi sepenuh komitmen kepada jihad dan peperangan menentang Rom dan Parsi dalam menyebarkan agama Islam. Justeru, orang-orang Arab telah mengabaikan syair pada masa itu. Namun apabila Kerajaan Islam telah berjaya didirikan dan dalam keadaan stabil ekoran perluasan yang berlaku dengan pembukaan tempat-tempat baru, orang-orang Arab mula kembali ke arena syair tetapi mereka tidak lagi menghasilkan antologi syair dan tidak kedapatan lagi buku-buku yang mengandungi hasil karya mereka. Situasi begini berpanjangan. Sesungguhnya mereka yang berkecimpung dalam arena syair telah lenyap dan binasa samaada mereka terkorban dalam peperangan mahupun telah meninggal dunia. Hanya sedikit sahaja yang menghafalnya dan ramai yang telah terkorban.

Sementara Ibn Khaldun (1967) dalam bukunya al-Muqaddimat telah menyatakan:

Orang-orang Arab di zaman awal Islam telah meminggirkan syair disebabkan komitmen mereka terhadap urusan agama, Nabi Muhammad s.a.w. dan wahyu Ilahi. Mereka merasa takjub dengan gaya bahasa yang dipaparkan oleh al-Quran al-Karim. Susunan bahasa yang tersusun rapi dan indah dalam al-Quran al-Karim menyebabkan mereka terpegun dan terpesona. Mereka menjadi diam dan bisu dalam memperkatakan syair dan prosa yang mereka warisi sekian lama.

Pandangan yang dikemukakan di atas oleh sebahagian pengkaji adalah tidak tepat. Sebaliknya keadaan dan situasi syair di zaman awal Islam tidak lenyap dan lemah sama sekali sebagaimana pendapat dan pandangan sebahagian pengkaji sejarah, bahkan ianya terus berkembang pesat seiring dengan perkembangan Islam. Sebenarnya terdapat pelbagai bentuk syair yang ada pada zaman awal Islam dan bukan hanya bergantung kepada syair lama sahaja sebagaimana pada zaman jahiliah. Bahkan banyak lagi syair yang telah dicipta di zaman awal Islam membuatkan ianya terus berkembang pesat. Malah

kriteria dan kualiti syair yang dihasilkan lebih tinggi dan bermutu berbanding sebelumnya (Husayn 'Atwan 1987, 9)

Islam tidak menolak atau menentang syair yang selaras dengan ajaran dan nilai-nilai Islam. Justeru itu, syair terus wujud dan berkembang pada zaman awal Islam selaras dengan perkembangan suasana dan keadaan pada masa itu. Syair telah digunakan sebagai media untuk mengabadikan kejadian dan peristiwa terutamanya peristiwa bersejarah, besar dan penting yang berlaku pada zaman tersebut. Selain daripada itu, syair digunakan untuk menggambarkan perasaan, fikiran, pendapat dan hati budi penyair. Tidak dapat dinafikan bahawa para penyair daripada pelbagai suku Arab terus mencipta syair sepertimana yang mereka lakukan pada zaman jahiliah hingga mereka memeluk Islam. Malah ada sebahagian daripada mereka yang meninggal dunia sebelum sempat memeluk Islam. Mereka ini tidak tergolong dalam kalangan penyair-penyair zaman awal Islam.

Seperti yang diketahui bahawa kaum kafir Quraisy telah menentang dakwah Islam dan menganiayai Rasulullah s.a.w. serta mengancam perjuangan dan keselamatan baginda s.a.w. sehingga menyebabkan baginda berhijrah ke Madinah. Walaupun Rasulullah s.a.w. dan orang Islam berpindah ke Madinah, kaum kafir Quraisy terus melakukan penentangan kepada baginda dan orang Islam malah penentangan dan permusuhan tersebut menjadi lebih sengit dan terbuka iaitu melalui siri peperangan yang berlaku antara orang Islam dengan orang kafir Quraisy. Peperangan ini bermula dengan perang Badar pada tahun kedua H. Seterusnya perang Uhud yang berlaku pada tahun ketiga H. Perang Khandak pada tahun kelima H dan pembukaan Mekah pada tahun kelapan H serta lain-lain lagi peperangan yang berlaku antara orang Islam dan kaum kafir Quraisy dan sekutu mereka.

Peperangan bersenjata secara terbuka ini dimarakkan lagi dengan pertikaman lidah yang sengit antara penyair-penyair kafir Quraisy dengan penyair-penyair Islam. Sebenarnya orang Quraisy Mekkah pada zaman jahiliah tidak begitu dikenali dalam bidang syair dan tidak ramai di kalangan mereka yang diketahui berkemampuan untuk mencipta dan mendeklamasikan syair (Syawqi Dayf 1995, 47). Mereka lebih menumpukan perhatian kepada bidang perniagaan dengan membawa dan memperdagangkan barangan mereka pada musim panas dan musim sejuk seperti yang yang diceritakan oleh al-Quran al-Karim (al-Quraisy: 1-2). Mereka juga lebih berminat dalam soal politik dan kepimpinan di mana mereka bertindak menjaga Kaabah tempat ibadat orang-orang Arab serta memberi makan dan minum kepada orang-orang Arab yang mengunjungi Kaabah. Disebabkan keadaan dan situasi yang demikian, mereka tidak begitu berminat atau memberi perhatian kepada syair.

Tetapi apabila meletus persengketaan dan pertempuran antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam, muncullah di kalangan mereka beberapa orang penyair yang mengukir nama dalam syair antara mereka ialah Abu Sufyan al-Harith, 'Abdullah bin al-Ziba'ra, Dirar bin al-Khattab al-Fihriy, Abu 'Azzah al-Jumahiy dan Hubayrah bin Abu Wahb al-Makhzumiy. Mereka telah mencipta syair-syair yang mengecam Islam, mengecam Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam. Untuk menghadapi keadaan ini dan membela Islam maka Rasulullah s.a.w. telah menyeru kepada para Ansar untuk mempergunakan senjata lisan iaitu melalui syair disamping alat-alat peperangan. Ekoran daripada itu maka tampillah Hassan bin Thabit untuk memikul tanggungjawab tersebut dengan dikuatkan lagi oleh dua orang temannya iaitu Ka'b bin Malik dan Abdullah bin Rawahah.

Terdapat banyak peristiwa yang membuktikan penghayatan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat terhadap syair antaranya Rasulullah s.a.w. telah mendengar syair yang dikarang dan dideklamasikan oleh Qurat Ibn Hubayrat. Beliau memuji Rasulullah s.a.w. dengan syairnya. Rasulullah s.a.w. amat menyukai syair tersebut (al-Qurasyi 1963, 34). Al-Nabighat al-Ja'diy juga bersyair memuji Rasulullah s.a.w (Abu Cumar 1962, 18). Begitu juga Ka'b bin Zuhayr telah mencipta syair memuji Rasulullah s.a.w. dan mendeklamasikannya (al-Qayrawaniy 1955, jil. 1: 24). Rasulullah s.a.w. juga telah meminta Hassan bin Thabit membantu baginda untuk memerangi golongan kafir Musyrikin dengan kemahiran bersyair yang ada padanya. Baginda bersabda:

عَنِ الْبَرَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
قَالَ : اهْجُؤْهُمْ أَوْ هَاجِهِمْ وَ جِبْرِيلُ مَعَكَ

Maksudnya:

Daripada al-Barra', sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w. bersabda, "Perangi dan kecamlah mereka dengan syair, Jibril bersamamu."

(al-'Asqalaniy 1989, 10: 669)

Dalam hadith lain yang mempunyai maksud yang sama, Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ قَرَيْظَةَ لِحَسَّانَ بْنِ ثَابِتٍ : اهْجِ الْمُشْرِكِينَ، فَإِنَّ الْجِبْرِيلَ مَعَكَ

Maksudnya:

Daripada al-Barra', Rasulullah s.a.w. telah bersabda pada peristiwa peperangan

dengan golongan Qurayzah kepada Hassan bin Thabit, "Perangi dan kecamilah golongan Musyrikin dengan syair, sesungguhnya Jibril bersamamu."

(al-'Asqalaniy 1989, 10: 669)

Rasulullah s.a.w. juga telah menyuruh Hassan bin Thabit meminta bantuan dengan merujuk kepada Saidina Abu Bakar kerana beliau amat mengetahui perangai dan keadaan mereka kerana beliau adalah seorang daripada golongan Quraisy (al-Qurasyi 1963, 30).

Pandangan al-Quran al-Karim dan Islam terhadap Syair

Seperti yang telah dijelaskan di atas bahawa kedudukan syair pada zaman awal Islam hakikatnya tidak terjejas atau pudar, malah kedudukannya hidup subur dan berkembang selaras dengan perkembangan suasana dan keadaan yang muncul ekoran daripada kemunculan agama Islam. Keadaan ini secara tidak langsung membayangkan sikap dan pendirian agama Islam terhadap syair.

Islam tidak menerima syair secara total dan juga tidak menolaknya secara total. Sebaliknya ia menerima syair yang seiring dengan ajaran dan nilai-nilai murni yang diketengahkannya dan menolak syair yang menyeru kepada kebatilan, hawa nafsu dan kehidupan secara jahiliah. Hakikat ini dapat difahami daripada firman Allah s.w.t. (al-Syu'ara': 224-227):

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ ﴿٢٢٤﴾ أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ
يَهِيمُونَ ﴿٢٢٥﴾ وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ ﴿٢٢٦﴾ إِلَّا
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا
مَنْ بَعْدَ مَا ظَلَمُوا ۗ وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ
يَنْقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

Maksudnya:

Dan para penyair itu diikuti oleh orang yang sesat. Tidakkah engkau melihat bahawasanya mereka mengembara pada tiap-tiap lembah dan bahawasanya mereka berkata apa yang mereka tidak lakukan. Kecuali orang yang beriman, beramal salih dan menyebut Allah serta mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman dan orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.

Daripada ayat al-Quran di atas, dapat dilihat bahawa Islam telah menyenaraikan penyair kepada dua kategori. Yang pertama ialah para penyair yang melalui syair mereka membawa kesesatan kepada masyarakat iaitu yang mengandungi unsur-unsur negatif, menggalakkan kepada maksiat dan mungkar serta bertentangan dengan etika Islam. Syair yang sedemikian sudah tentu membawa kebinasaan dalam masyarakat dan amat dikecam oleh Islam.

Sementara satu golongan lagi, penyair yang diterima oleh Islam iaitu penyair-penyair yang beriman yang menggunakan media syair mereka untuk menyemai dan mencetuskan kesedaran dan perhatian masyarakat kepada aspek-aspek iman, takwa dan amal salih disamping mengingatkan masyarakat terhadap keagungan dan kebesaran Allah serta memantapkan keimanan mereka.

Sehubungan dengan itu ada diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas r.a. bahawa bahagian pertama ayat al-Quran al-Karim tadi iaitu ayat 224 hingga 226 ditujukan terhadap penyair-penyair Musyrikin seperti 'Abdullah bin al-Ziba'ra, Hubayrat bin Wahb al-Makhzumiy, Abu 'Azzah al-Jumahiy dan Umayyat bin Abu al-Salt yang mendakwa bahawa kata-kata mereka adalah sama dengan sabda Rasulullah s.a.w. Mereka sentiasa dikelilingi oleh orang ramai sambil mendengar syair mereka. Mereka adalah sesat serta menyesatkan (al-Alusiyy t.th., 19: 146).

Sementara ayat 227 adalah ditujukan kepada penyair-penyair seperti Hassan bin Thabit, Ka'b bin Malik dan 'Abdullah bin Rawahah (Sayyid Qutb 1971, 6: 247) yang menggunakan syair untuk mempertahankan dan membela dakwah Islam serta menolak kecaman penyair Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w., juga terhadap agama Allah s.w.t.. Sebenarnya dalam al-Quran al-Karim hanya ayat yang disebut di atas sahaja yang membayangkan sikap Islam terhadap syair yang diterima dan ditolak oleh Islam walaupun di dalam al-Quran al-Karim terdapat lima lagi ayat yang menyebut perkataan 'penyair' (Sya'ir) dan perkataan 'syair' (al-Syi'r), ayat tersebut ialah firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Anbiya': 5:

بَلْ قَالُوا أَضْغَتْ أَحْلَمَ بَلْ أَفْتَرَهُ بَلْ هُوَ شَاعِرٌ فَلْيَأْتِنَا
بِآيَةٍ كَمَا أُرْسِلَ الْأَوَّلُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya:

Bahkan mereka berkata (pula) adalah mimpi yang kabur malah diada-adakan, bahkan dia sendiri seorang penyair.

Surah Yasin:69:

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ^{٦٩} إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ وَقُرْءَانٌ

مُبِينٌ ﴿٦٩﴾

Maksudnya:

Dan kami tidak mengajar kepadanya (Muhammad) syair dan bersyair itu tidaklah wajar baginya. Al-Quran itu tidak lain hanyalah pelajaran dan kitab yang memberi penerangan.

Surah al-Saffat: 36:

وَيَقُولُونَ أَإِنَّا لَتَارِكُوا آلِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

Dan mereka berkata, apakah sesungguhnya kami harus meninggalkan sembah-sembahan kami kerana seorang penyair yang gila.

Surah al-Tur: 3:

أَمْ يَقُولُونَ شَاعِرٌ نَّتَرْتِّصُ بِهِ^٣ رَيْبَ الْمُنُونِ ﴿٣﴾

Maksudnya:

Bahkan mereka mengatakan, dia adalah seorang penyair yang kami tunggu-tunggu kecelakaan menimpanya.

Surah al-Haqqah: 41:

وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ قَلِيلًا^{٤١} مَّا تُؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya:

Dan al-Quran itu bukanlah perkataan seorang penyair, sedikit sekali kamu beriman kepadanya.

Seperti yang dapat dilihat bahawa kelima-lima ayat yang disebutkan tadi tidak menyentuh tentang sikap Islam terhadap syair. Sebaliknya ayat-ayat tadi menggambarkan sikap orang-orang Musyrikin terhadap al-Quran al-Karim dan Rasulullah s.a.w. dan menafikan bahawa al-Quran al-Karim adalah ciptaan seorang penyair, tetapi sebaliknya ia adalah daripada Allah s.w.t.. Kesimpulannya bahawa kelima-lima ayat tersebut tidak menyentuh tentang syair sama ada ianya bersifat positif atau negatif ('Abd al-Qadir Qatt 1976, 11).

Pandangan Rasulullah s.a.w. terhadap Syair

Pandangan al-Quran al-Karim dan sikap Islam terhadap syair itulah yang menjadi pegangan Rasulullah s.a.w.. Segala tindak tanduk baginda berasaskan wahyu Allah s.w.t.. Rasulullah s.a.w. tidak menentang karya-karya syair selama mana ia tidak bertentangan dengan aqidah Islamiah. Dengan kata lain, syair yang dianggap keji ialah syair yang menentang kerasulan dan kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. serta mempunyai unsur yang bertentangan dengan Islam.

Dalam hubungan ini, banyak didapati hadith Rasulullah s.a.w. yang membawa pengertian bahawa Rasulullah s.a.w. menghargai syair dan merestunya selagi ia membawa nilai-nilai murni dan positif yang dianjurkan oleh Islam. Antaranya Rasulullah s.a.w. pernah menyatakan penghargaan kepada penyair dan merestunya selagi mana ia membawa nilai-nilai murni dan positif di dalam sabda Rasulullah s.a.w. (al-'Asqalaniy 1989, 10: 661):

عَنْ ابْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الشِّعْرُ بِمَنْزِلَةِ الْكَلَامِ فَحُسْنُهُ كَحُسْنِ الْكَلَامِ وَقَبِيحُهُ كَقَبِيحِ الْكَلَامِ

Maksudnya:

Daripada Ibn 'Amru r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Syair itu ialah seumpama percakapan. Baiknya syair sepertimana baiknya percakapan, buruknya syair sepertimana buruknya percakapan."

Hadith di atas jelas membayangkan sikap positif Rasulullah s.a.w. terhadap syair-syair yang membawa mesej untuk memupuk dan memperjuangkan 'al-Haqq' iaitu kebenaran mutlak yang dibawa oleh Islam. Nilai-nilai kebenaran inilah yang menjadi inti daripada ajaran Islam. Sementara itu, hadith tersebut juga membayangkan bahawa syair-syair yang menonjolkan kebatilan dan mengheret ke arah nafsu ammarah yang mendorong kepada perbuatan munkar serta perlakuan maksiat dianggap tidak ada faedah dan kebaikan yang boleh diharapkan daripadanya. Justeru itu ia tidak wajar diberi tempat dan penghargaan kepadanya.

Suatu lagi hadith Rasulullah s.a.w. yang membawa nada yang sama ialah sabda Rasulullah s.a.w. (al-'Asqalaniy 1989, 10: 660):

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الشِّعْرُ مِنْهُ حَسَنٌ وَمِنْهُ قَبِيحٌ, خُذِ الْحَسَنَ وَدَعْ الْقَبِيحَ

Maksudnya:

Daripada 'Aisyah r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda, "Sesungguhnya syair itu ada yang baik dan ada yang buruk. Ambillah yang baik dan tinggalkan yang buruk."

Rasulullah s.a.w. juga ada bersabda (al-'Asqalaniy 1989, 10: 658):

عَنْ أَبِي بِنِ كَعْبٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ مِنَ الشَّعْرِ حِكْمَةً

Maksudnya:

Daripada Ubayy bin Ka'b berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda, "Sesungguhnya ada di antara syair itu mempunyai kata-kata hikmah padanya."

Sementara itu ada beberapa peristiwa yang berlaku antara Rasulullah s.a.w. dengan beberapa orang penyair semasa hayat baginda. Antara kisah yang berlaku ialah peristiwa Ka'b bin Zuhayr mencerca Rasulullah s.a.w. setelah mendapat tahu bahawa saudaranya Bujayr telah menganut agama Islam (al-Qayrawaniy 1955, 27). Ka'b merasa tidak senang hati dengan tindakan saudaranya ini. Beliau merasakan bahawa Rasulullah s.a.w. bertanggungjawab mempengaruhi saudaranya dengan ajaran yang dibawa oleh baginda yang menyebabkan saudaranya tertarik dengan ajaran tersebut lalu menganut agama Islam. Ekoran daripada peristiwa itu, beliau mengecam Rasulullah s.a.w. melalui sajaknya. Kecaman tersebut sampai kepada pengetahuan Rasulullah s.a.w. lalu Rasulullah s.a.w. membenarkan orang Islam membunuhnya.

Bila berita ini diketahui oleh Ka'b, beliau merasa bimbang dan takut akan keselamatan dirinya. Beliau menemui Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. dan meminta jasa baiknya supaya mempertemukannya dengan Rasulullah s.a.w. Beliau kemudiannya mengabadikan sebuah syair memohon keampunan daripada Rasulullah s.a.w. serta memuji baginda. Akhirnya Rasulullah s.a.w. telah dikatakan memaafkan Ka'b. Baginda menghargai syair-syair yang disusun begitu indah sehingga dapat meredakan kemarahan baginda terhadap penyair tersebut. Ada diceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengarahkan orang ramai supaya mendengar syair Ka'b tersebut dan baginda telah memberikan jubahnya sebagai persalinan kepada Ka'b. Jubah itu kemudiannya dibeli oleh Khalifah Mu'awiyah dengan harga 20 000 dirham (Ibn Sallam t.th., 87).

Selain daripada itu, adalah jelas bahawa penentangan orang musyrikin Quraisy tidak berakhir dengan peristiwa hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah. Bahkan penentangan tersebut bertambah sengit dan tidak terbatas kepada peperangan secara terbuka dengan menggunakan alat-alat senjata sahaja,

malah penentangan tersebut meliputi 'peperangan' menggunakan lidah melalui syair yang dicipta oleh penyair-penyair Islam dan Musyrikin. Antara penyair Musyrikin Quraisy yang tampil menggunakan syair untuk mengecam Rasulullah s.a.w. serta menghina Islam dan penganut-penganutnya ialah Sufyan bin al-Harith, 'Abdullah bin al-Ziba'ra, Dirar bin Khattab al-Fihriy, Abu 'Azzah al-Jumahiy dan Hubayrat bin Abi Wahb al-Makhzumiy.

Dalam menghadapi keadaan ini, Rasulullah s.a.w. menyedari kesan penggunaan senjata syair yang digunakan oleh orang Quraisy dan baginda sedar bahawa musuh mesti ditentang dengan senjata yang dipakainya. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepada para sahabat, "Apakah yang menghalang mereka yang membantu Rasulullah s.a.w. dengan senjata untuk membantunya dengan lidah mereka pula". Maka jawab Hassan bin Thabit, "Saya ialah orangnya" (al-Asfahaniy t.th., 4: 137). Rasulullah s.a.w. gembira dengan jawapannya.

Selain Hassan bin Thabit, terdapat dua orang lagi penyair Islam yang tampil menentang penyair-penyair Musyrikin dan menolak kecaman mereka. Mereka bertindak balas dengan mencipta syair yang mengecam dan menonjolkan keburukan orang-orang Musyrikin. Dua orang penyair tersebut ialah Ka'b bin Malik dan 'Abdullah bin Rawahah. Pertikaman lidah melalui syair antara penyair Islam dengan penyair Musyrikin ketika itu telah memperkayakan syair. Ini telah mendorong kemunculan suatu bentuk syair yang dikenali dalam kesusasteraan Arab sebagai syair '*Naqa'id*'³. Namun syair '*Naqa'id*' pada peringkat ini belum begitu mantap seperti pada zaman Umayyah.

Dalam menolak dan mengecam penyair Musyrikin, para penyair Islam telah menggunakan pendekatan yang berbeza. Hassan dikatakan telah menyerang penyair Musyrikin dari sudut 'keturunan' iaitu dengan menonjolkan sifat-sifat kekurangan serta menimbulkan kesangsian terhadap keturunan mereka. Sementara 'Abdullah bin Rawahah pula memusatkan kecamannya dari sudut agama, iaitu dengan mencela sifat kekufuran mereka. Walau bagaimanapun, kecaman Hassan bin Thabit amat dirasakan oleh orang kafir Quraisy sebelum mereka memeluk agama Islam, sedangkan syair Abdullah bin Rawahah tidak melukakan perasaan mereka. Tetapi keadaan ini menjadi sebaliknya setelah mereka menganut agama Islam dimana syair 'Abdullah bin Rawahah begitu pedih dirasakan berbanding dengan syair ciptaan Hassan bin Thabit (al-Asfahaniy t.th., 4: 138).

Menyentuh tentang sikap Rasulullah s.a.w. terhadap syair, ada diriwayatkan hadith-hadith yang menjelaskan bahawa baginda benci pada syair

³ Naqa'id ialah syair kecam mengecam antara dua pihak yang menggunakan timbangan syair (wazan) dan huruf akhiran (qafiah) yang sama disamping menggunakan idea yang sama. Syair ini mencapai kemuncaknya pada zaman Umayyah

dan kepada penyair. Hadith tersebut daripada Abu Sa'id r.a. katanya, "Ketika kami berjalan bersama-sama Rasulullah s.a.w., tiba-tiba muncul seorang penyair memperdengarkan syairnya. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda (al-'Asqalaniy 1989, 10: 671):

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَأَنْ يَمْتَلَى جَوْفُ أَحَدِكُمْ قَيْحًا خَيْرٌ مِنْ أَنْ يَمْتَلَى شِعْرًا

Maksudnya:

Daripada Ibn 'Umar r.a. daripada Rasulullah s.a.w., Baginda bersabda: "Kiranya perut seorang kamu dipenuhi oleh nanah, itu lebih baik daripada dipenuhi oleh syair."

Dalam satu hadith lain yang sama maksudnya, Rasulullah s.a.w. juga bersabda (al-'Asqalaniy 1989, 10: 671):

لَأَنْ يَمْتَلَى جَوْفُ أَحَدِكُمْ قَيْحًا حَتَّى يَرِيَهُ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَمْتَلَى شِعْرًا

Maksudnya:

Daripada Abu Hurayrat r.a. berkata: Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda, "Kiranya perut seseorang kamu itu dipenuhi oleh nanah hingga ia menelannya, itu lebih baik daripada dipenuhi oleh syair."

Rasulullah s.a.w. juga ada menyatakan (al-'Asqalaniy 1989, 10: 662):

عَنْ أَبِي أَمَامَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ إِبْلِسَ لَمَّا أَهْبَطَ إِلَى الْأَرْضِ قَالَ : رَبِّ اجْعَلْ لِي قُرْءَانًا، قَالَ : قُرْءَانُكَ شِعْرًا

Maksudnya:

Daripada Abu Umamat r.a., daripada Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya Iblis tatkala diturunkan ke bumi telah memohon kepada Tuhan, katanya, Wahai Tuhan, Berikanlah kepadaku al Quran. Allah menjawab, Al-Quran kamu adalah syair."

Sabda Nabi Muhammad s.a.w. lagi (al-'Asqalaniy 1989, 10: 662):

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الشِّعْرُ مَزَامِيرُ الشَّيْطَانِ

Maksudnya:

Daripada Ibn Mas'ud r.a., daripada Nabi Muhammad s.a.w. bersabda, "Syair itu adalah seruling-seruling syaitan."

Daripada hadith-hadith ini, membayangkan reaksi negatif baginda terhadap syair. Namun begitu, larangan Rasulullah s.a.w. itu hanya kepada penyair yang mengutamakan syair yang melalaikan sehingga melupakan Allah s.w.t., al Quran al-Karim dan ilmu. Dalam menganalisis hadith ini adalah tidak tepat dijadikan alasan bahawa Rasulullah s.a.w. menolak syair secara total. Sedangkan banyak terdapat hadith-hadith yang lain seperti yang disebutkan sebelum ini menggambarkan sikap positif dan terbuka Rasulullah s.a.w.. Ini menggambarkan bahawa Rasulullah s.a.w. menghargai dan menyenangi syair yang indah dan mempunyai unsur-unsur pengajaran, seruan kepada kebaikan, kata-kata hikmah dan menegakkan prinsip-prinsip agama (Syawqi 'Abd al-Halim Hamadat t.th., 75). Sebaliknya baginda tidak senang dan menolak syair yang menyeru kepada keburukan, kemungkaran, maksiat, menabur fitnah, rasa dendam mendendam dan segala sifat negatif seperti yang terdapat dalam kehidupan zaman jahiliyah. Yang jelasnya sebagaimana pandangan al-Quran dan Islam terhadap syair, begitulah pandangan Rasulullah s.a.w..

Pandangan Para Sahabat terhadap Syair

Sikap para sahabat r.a. dalam soal ini adalah selaras dengan pandangan Rasulullah s.a.w. dan berdasarkan kepentingan orang Islam. Mereka tidak menghalang daripada memperkatakan syair (al-Jaburiy 1964, 44). Para sahabat adalah mereka yang sentiasa mendampingi Rasulullah s.a.w. dan mereka sudah tentu memahami pendirian Rasulullah s.a.w. terhadap syair. Para sahabat juga fasih dan unggul bahasa mereka dan mereka banyak mengetahui dan memahami syair-syair yang menjadi kebanggaan orang Arab.

Dalam hubungan ini, ada diceritakan bahawa Hasan al-Basri pada suatu ketika pernah ditanya, "Apakah para sahabat pernah bergurau?" Jawabnya, "Ya. Dan mereka mengucapkan syair" (al-Zamakhshariy t.th., 339). Antara para sahabat yang banyak menghafal dan mengingati syair ialah Saidina Abu Bakar. Beliau di samping meminati syair, juga mampu bersyair. Saidina Abu Bakar dikatakan telah menggunakan syair sebagai contoh dan misalan dalam semua aspek dan keadaan yang berlaku (al-Suliy 1341 H, 190).

Saidina Umar al-Khattab juga tidak kurang pengetahuannya tentang syair. Walaupun tidak ada keterangan yang menunjukkan beliau mempunyai kemampuan bersyair seperti Saidina Abu Bakar r.a. namun beliau banyak

mengingati dan menghafal syair. Menurut beberapa pengkaji kesusasteraan Arab, beliau merupakan seorang yang tajam pandangan dalam menilai syair. Menurut mereka, Saidina Umar r.a. boleh dianggap sebagai pengkritik syair yang ulung dan terkenal pada zamannya kerana beliau memberi penilaian secara objektif dan berdasarkan prinsip-prinsip yang jelas (al-Jahiz 1961, jil. 1: 239). Beliau pernah berkata, “Sebaik-baik penyair ialah mereka yang mengolah syair mengikut keperluannya yang diilhamkan melalui hati nurani yang suci” (Abu ‘Umar 1962, 5: 274-281). Katanya lagi, “Ucapkanlah syair dan jauhilah dari unsur-unsur negatif. Kebaikan yang tercipta dari syair menggambarkan keluhuran budi dan kemuliaan akhlak yang terpuji” (al-Qurasyi 1963, 36). Saidina Umar dikatakan telah menulis kepada Abu Musa al-Asy‘ariy dan menyuruh beliau mempelajari syair kerana syair akan memuliakan akhlak, memberi ketajaman pemikiran dan mengetahui asal keturunan (al-Qayrawaniy 1955, jil. 1: 28). Ibn Sallam juga ada menyatakan tentang Saidina Umar. Katanya: “Sesungguhnya beliau (Umar) tidak mengkritik sesuatu perkara melainkan setelah didendangkan syair” (al-Jahiz 1961, jil. 1: 239). Katanya lagi, “Tiada sesuatu perkara itu menjadi kukuh melainkan didatangkan contoh dengan bait-bait syair” (al-Jahiz 1938, 5: 590).

Keterangan mengenai kemampuan Saidina Umar r.a. seperti yang disebut di atas itu dapat dikesan daripada satu keterangan oleh Ibn ‘Abbas, katanya, “Bolehkan kau perdengarkan syair penyair yang terulung?” Saya bertanya, “Siapa penyairnya?” Jawab Saidina Umar r.a., “Penyair itu ialah orang yang mencipta atau menyebut syair ini,”

وَلَوْ أَنَّ حَمْدًا يَخْلُدُ النَّاسُ اِخْلُدُوا

وَلَكِنْ حَمْدَ النَّاسِ لَيْسَ بِمُخْلَدٍ

Maksudnya:

Kalau pujian boleh mengabadikan manusia tentu mereka kekal abadi tetapi pujian tidak boleh mengabadikan.

Jawab saya, “Penyair itu ialah Zuhayr.” Saidina Umar berkata: “Itulah penyair ulung.” Saya bertanya kepadanya, “Apakah yang menyebabkan dia dikatakan penyair ulung?” Saidina Umar menjelaskan, “Kerana dia tidak menggunakan ungkapan yang sukar dan mengelak dari syair yang negatif serta tidak memuji seseorang kecuali sifat-sifat yang ada padanya” (Taha Ahmad Ibrahim t.th., 30).

Hasil daripada pemahaman berdasarkan peristiwa di atas, jelas menunjukkan bahawa Saidina Umar menganggap Zuhayr sebagai penyair ulung kerana dia mencipta syair yang menggunakan perkataan yang mudah dan senang difahami serta mengelak daripada menggunakan perkataan dan bahasa-

bahasa yang sukar, liar dan ganjil. Beliau juga tidak bersikap hipokrit dalam memuji seseorang. Tegasnya, Saidina Umar r.a. menitikberatkan tentang dua aspek penting dalam tradisi kritikan sastra iaitu aspek isi dan aspek teknik dalam mengkritik sesuatu karya sastra.

Demikian juga halnya dengan Saidina Ali yang menghargai dan menikmati syair. Baginda pernah dipetik berkata (al-Qairawaniy 1955, jil. 1: 28):

الشَّيْعَرُ مِيزَانُ الْقَوْلِ الشَّيْعَرُ مِيزَانُ الْقَوْمِ

Maksudnya:

Syair pengukur kata, syair pengukur bangsa.

Kata-kata ini jelas menggambarkan bahawa Saidina Ali memberi sanjungan dan penghargaan yang tinggi kepada syair dan penyair. Saiyidatina Aisyah telah meriwayatkan banyak syair daripada Labid dan penyair lain (Abu 'Umar 1962, 5 : 275). Malah beliau telah menggesa kepada semua orang agar menghayati syair. Katanya, "Riwayat dan ceritakanlah syair kepada anak-anak kamu kerana ianya akan memperelok dan memahirkan percakapan mereka" (Abu 'Umar 1962, 5: 274).

Ibn 'Abbas juga ada mengatakan, "Apabila kamu membaca sesuatu daripada al-Quran al-Karim dan kamu tidak memahaminya, maka selidik dan carilah dalam syair-syair orang Arab kerana syair merupakan diwan mereka. Apabila ditanyakan kepada mereka tentang sesuatu perkara daripada al-Quran al-Karim kepada mereka, mereka akan mendendangkan syair bagi menjelaskan perkara tersebut" (al-Qairawaniy 1955, jil. 1: 30).

Manakala sebahagian sahabat telah menyatakan apabila ditanya kepada mereka apa yang mereka lakukan apabila ada masa lapang dalam sesuatu majlis mereka. Mereka mengatakan, "Kami mendeklamasikan syair dan menceritakan keadaan dan cerita-cerita jahiliyah kami dahulu" (al-Nawiri 1929, 15: 338). Abu Zayd al-Qurasyi telah mengatakan, "Para sahabat Rasulullah s.a.w. sentiasa bersyair dan mengambil contoh daripada syair" (al-Qurasyi 1963, 37). Sementara 'Abd Rahman bin Abu Barakat ada menyatakan, "Aku berada bersama-sama sahabat Rasulullah s.a.w. di masjid. Mereka mendeklamasikan syair-syair dan menceritakan kisah-kisah jahiliyah mereka" (al-'Asqalaniy 1989, 10: 662).

Jabir juga pernah mengatakan bahawa para sahabat Rasulullah s.a.w. mendeklamasikan syair dan menceritakan kisah jahiliyah mereka ketika Rasulullah s.a.w. ada bersama mereka. Rasulullah s.a.w. tidak memarahi mereka, malah baginda senyum kepada mereka" (al-'Asqalaniy 1989, 10: 662).

Kesimpulan

Kedatangan Islam meninggalkan kesan yang besar terhadap kesusasteraan Arab khususnya dalam bidang syair. Al-Quran sememangnya telah mempengaruhi corak penciptaan syair arab. Hakikatnya, Islam tidak menolak syair secara total, juga tidak menerimanya secara total. Syair yang membawa kepada kesesatan, maksiat, mungkar dan bersifat negatif ditolak oleh Islam. Sebaliknya syair yang menyeru kepada keimanan, amal salih, mengingatkan Allah dan memupuk nilai-nilai Islam yang suci diterima dengan baik oleh Islam.

Syair terus berkembang maju seiring dengan perkembangan Islam. Segala pendapat dan pandangan yang mengatakan bahawa syair mengalami kemerosotan di zaman awal Islam tidak benar sama sekali. Malah syair terus berkembang dan mengalami perubahan yang besar yang sememangnya berbeza sama sekali dengan syair di zaman jahiliah.

Rujukan

- °Abd al-Qadir Qatt, 1976, *Fi al-Syicr al-Islamiy wa al-Umawiy*, Beirut.
- °Abd al-Rahman al-Barbuqi, 1929, *Syarh Diwan Hassan bin Thabit al-Ansariy*, Kaherah: al-MatbaCah al-Rahmaniyyah.
- Abu al-Faraj, Qudamah bin JaCfar, 1938, *Naqd al-Nathr*, ed. Taha Husayn, Kaherah: °Abd al-Hamid al-°Ibadi.
- Abu °Umar, Ahmad bin Muhammad bin °Abd Rabbah, 1962, *al-°Aqdu al-Farid*, ed. Ahmad Amin wa zamilih, Kaherah: Lajnat al-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nasyr.
- Ahmad al-Syab, 1964, *Usul al-Naqd al-Adabi*, Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah: Kaherah.
- Al-Alusiy, Syihabuddin Mahmud Syukri, t.th., *Ruh al-MaCani fi Tafsir al Quran wa al-SabC al-Mathani*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabi.
- Anwar al-Jundiy, t.th., *Khasais al-Adab al-°Arabiy*, Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Al-Asfahaniy, Abu al-Faraj, t.th, *al-Aghaniy*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-°Asqalaniy, Ahmad bin °Ali bin Hajar, 1989, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, ed. °Abd al-Aziz bin °AbduLlah bin Baz, Muhammad Fu'ad °Abd al-Baqi, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Husayn °Atwan, 1987, *Muqaddimah al-Qasidah al-°Arabiyyah fi Sadr al-Islam*, Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn Khaldun, °Abd Rahman bin Muhammad bin Khaldun, 1967, *al-Muqaddimah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Lubnani.
- Ibn Manzur, 1996, *Lisan al-°Arab*, ed Amin Muhammad °Abd al-Wahab, Muhammad al-Sadiq al-°Ubaydiyy, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabiyy.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Zayyat, Hamid °Abd al-Qadir, Muhammad °Aliy al-Najjar, 1989, *al-Mu'jam al-Wasit*, Istanbul: Dar al-DaCwah.
- Al-Jahiz, Abu °Usman, °Amru bin Bahr bin Mahbub, 1961, *al-Bayan wa al-Tabyin*, ed. °Abd al-Salam Harun, Maktabat al-Khaniji, Baghdad: Misr wa Maktabah al-Muthanna.
- Al-Jahiz, Abu °Usman, °Amru bin Bahr bin Mahbub, 1938, *al-Hayawan*, ed. °Abd al-Salam Harun, Kaherah: Maktabah wa MatbaCah Mustafa al-Halabi wa Auladuh.
- Al-Jumahiyy, Muhammad bin Sallam, t.th, *Tabaqat fuhul al-Syucara'*, Kaherah: MatbaCah al-Madani.
- Al-Jurjaniy, Abu Bakr, 1331 H, °Abd al-Qahir bin °Abd al-Rahman, Kaherah: *Dala'il al-iCjaz*, MatbaCah al-Manar.

- Muhammad [°]Abd al-Mun^cim Khafajiy, 1973, *al-Hayah al-Adabiyyah fi Sadr al-Islam*, Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnaniyy.
- Muhammad Mandur, t.th, *al-Naqd al-Manhaji [°]Ind al-[°]Arab*, Kaherah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- Al-Nawiriy, Shahabuddin, Ahmad bin [°]Abd al-Wahab, 1929, *Nihayat al-Arb*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Nuss, Ihsan, 1965, *Hassan ibn Thabit: Hayatuh wa Syi^cruh*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Osman Khalid, 1999, *Kesusasteraan Arab Zaman Permulaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Al-Qayrawaniy, Abu [°]Aliy, al-Hasan bin Rashiq, 1955, *al-[°]Umdah fi Mahasin al-Syi^cr wa Adabih wa Naqdih*, ed. Muhammad Mahyuddin [°]Abd al-Hamid, Kaherah: Matba^cat al-Sa^cadah.
- Al-Qurasyyi, Abu Zayd, Muhammad bin Abu al-Khattab, 1963, *Jamharah Asy^car al-[°]Arab*, Beirut: Dar al-Bayrut.
- Sayyid Qutb, 1971, *Fi Dhilal al Quran*, Beirut: Dar al-Ma^carif.
- Al-Suliy, Abu Bakr, Muhammad bin Yahya, 1341 H, *Adab al-Kuttab*, Kaherah: Matba^cat wa Maktabat al-Salafiyyah.
- Syawqi [°]Abd Halim Hamadah, t.th *al-Adab al-[°]Arabiyy Bayna al-Sidq al-Fanni wa akhlaqi*, Kaherah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- Syawqi Dayf, 1995, *Tarikh al-Adab al-Arabiyy : al-[°]Asr al-Jahili*, Kaherah: Dar al-Ma^carif.
- Syawqi Dayf, 1995, *Tarikh al-Adab al-Arabiyy: al-[°]Asr al-Islami*, Kaherah: Dar al-Ma^carif.
- Taha Ahmad Ibrahim, t.th, *Tarikh al-Naqd al-Adabi Cind al-[°]Arab*, Beirut: Dar al-Hikmah.
- Yahya al-Jaburiy, 1964, *Syi^cr al-Mukhadram wa Athar al-Islam fih*, Baghdad: Maktabat al-Nahdah.
- Al-Zamakhshariy, Jar Allah Mahmud bin [°]Umar, t.th., *al-Faiq fi Gharib al-Hadith*, Haydar Abad.
- Zakiy [°]Abidin Gharib, 1983, *al-Hayah al-Adabiyyah fi Makkah fi al-Qarn al-Awwal al-Hijri*, Kaherah: Dar al-Ma^carif.

SOFYUDDIN BIN YUSOF

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Darul Iman Malaysia

Kampus KUSZA

21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.

Emel: sofyuiddin@udm.edu.my

MOHD FAIZ HAKIMI BIN MAT IDRIS

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Darul Iman Malaysia

Kampus KUSZA

21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.

Emel: mfhakimi@udm.edu.my

NIK MURSHIDAH BT NIK DIN

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Darul Iman Malaysia

Kampus KUSZA

21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.

Emel: murshidah@udm.edu.my